

Internet SCAM: **Penipuan di** **Internet Yang** **Perlu Anda Tahu**



Oleh: Mohd Shamsuriyadi

Internet SCAM

Copyright © 2007 oleh G World Enterprise

Hakcipta Terpelihara

Ebook ini diterbitkan dan diedarkan secara percuma. Anda dibenarkan untuk mengedar dan mencetakkannya kepada rakan rakan, ahli keluarga, pelanggan, prospek, dan sesiapa sahaja yang ingin mengetahui tentang muslihat penipuan di internet. Namun, anda dilarang untuk mengubah semua kandungan didalam ebook ini tanpa kebenaran dan pengetahuan pihak G World Enterprise

PenulisEbook.com

dan

RajaAdsense.com

merupakan produk :

G World Enterprise (TR0065266 - K)
5414, Kg. Surau Hj. Daud, Atas Tol,
21070, Kuala Terengganu, Terengganu

Isi Kandungan

Kandungan	Mukasurat
Prakata	4
Perniagaan Internet	5
Perniagaan Internet Vs MLM Internet	6
Perniagaan Internet Vs Pelaburan Internet	7
Perniagaan Internet Vs Program Buat Duit	8
Konsep Skim Cepat Kaya	9
Penipuan di Internet	9
Sumbang Ikhlas	10
Randomisor	17
High Yield Investment Program (HYIP)	18
Paid To Read Email	19
Paid To Click	20
Paid To Surf	
AutoSurf	21
Manual Surf	21
Internet Lottery Scam	22
Nigerian Scammer	23
Auction Scam	25
Pelaburan Internet	39
Identity Theft	40
Surat Berantai	41
Akhir Kata	42
Biodata Penulis	43

Prakata

Salam sejahtera kepada sahabat sekalian. Disebabkan isu pelaburan internet yang sedang hangat diperkatakan hari ini. Jadi saya mengambil keputusan untuk menghasilkan satu report tentang pelaburan internet dan penipuan di internet.

Ia adalah inisiatif dari pihak kami yang prihatin agar anda dapat menghindarkan diri daripada ditipu dengan pelbagai skim cepat kaya, penjualan dan pembelian barang di internet.

Dengan laporan ini diharap dapat memberi sedikit gambaran tentang perniagaan internet dan risiko yang bakal anda hadapi di internet. Urusan melalui internet adalah selamat jika anda tahu membezakan yang mana baik dan yang mana yang buruk.

Saya menghasilkan laporan ini semata mata untuk membimbing anda agar tidak tertipu dengan pelbagai helah orang yang tidak bertanggungjawab yang menawarkan sesuatu diinternet.

Ia juga adalah berdasarkan pengalaman saya sebagai seorang usahawan internet dan pembeli di internet.

Semoga berjaya dan selamat maju jaya dari saya...

Yang benar,

Shamsuriyadi

BA Hons Information Technology,
Universiti Utara Malaysia.

<http://www.rajaadsense.com>

<http://www.penulisebook.com>

Perniagaan Internet

Perniagaan internet adalah seperti perniagaan biasa yang anda lihat di luar sana. Cuma ia menggunakan internet sebagai medium untuk berniaga. Konsepnya adalah sama dengan perniagaan konvensional yang biasa.

Perniagaan akan melibatkan urusan jual beli dimana terdapat pembeli dan penjual. Jika tidak wujud pembeli dan penjual ia bukanlah perniagaan. Jadi jangan terkeliru. Ingat jika tiada barang jualan atau perkhidmatan, ia bukanlah perniagaan. Jadi jangan terkeliru dengan MLM berasaskan internet.

MLM adalah MLM dan bukan perniagaan internet. Jika anda perlu mencari downline ia adalah MLM walaupun ia menggunakan internet. Jika anda menjual barangan di internet ia adalah perniagaan internet. Harap anda dapat bezakan antara MLM dan perniagaan internet pada masa akan datang.

Perniagaan internet mempunyai banyak cabang atau model. Antara model terkenal ialah dropshipping, auction (ebay dan sebagainya), produk fizikal, produk digital (ebook, software & etc), perkhidmatan (web design & etc) dan banyak lagi. Jika anda ingin berniaga, pilih la model model ini. Ia adalah model asas perniagaan internet.

Saya harap anda dapat memilih salah satu dari model berkenaan. Pelaburan internet tidak termasuk dalam perniagaan internet. Jadi jangan nak gatal melabur ke dalam sesuatu yang tak pasti.

Jika anda ingin memulakan perniagaan eBook di Internet anda boleh dapatkan Rahsia Penulis Ebook di [SINI](#).



Perniagaan Internet Vs MLM Berasaskan Internet

Terdapat perbezaan ketara diantara perniagaan internet dan MLM berasaskan MLM. Dalam MLM anda perlu mencari downline bagi mendapatkan pulangan yang lumayan. Namun bagi perniagaan internet, anda perlu banyakkkan promosi bagi meningkatkan jualan produk anda. Lebih banyak anda jual, lebih banyak untung yang akan anda dapat.

Perniagaan Internet adalah e-dagang atau e-commerce yang sebenar. **MLM adalah MLM** walaupun mereka menggunakan internet sebagai cara untuk mencari downline dan melakukan transaksi. Kedua duanya menggunakan internet sebagai media tetapi hanya perniagaan internet adalah e-dagang yang sebenar.

Jika ada MLM yang menggunakan internet ia boleh dikatakan MLM Internet dan bukan e-dagang. Harap anda memahami konsep ini. MLM adalah MLM. Perniagaan internet adalah perniagaan dimana berlakunya jual beli. MLM adalah cara pemasaran produk sebagaimana perniagaan internet yang menggunakan internet untuk memasarkan produk.

MLM boleh dikatakan satu sistem atau teknik dalam pemasaran. Ini sebabnya MLM bukan e-dagang. Ia mungkin agak mengelirukan. Tetapi ia bukan ia sukar jika anda memahami konsep sebenar MLM dan perniagaan Internet.

Untuk mengetahui Rahsia merekrut MLM anda boleh dapatkan Di [SINI](#)



Perniagaan Internet Vs Pelaburan Internet

Perniagaan internet boleh diibaratkan **jauh panggang dari api** jika hendak dibezakan dengan perniagaan internet. Seperti yang saya terangkan sebelum ini perniagaan internet melibatkan jual dan beli melibatkan penjual dan pembeli.

Pelaburan Internet pula hanya menggunakan modal dan dilaburkan dalam skim tertentu dan mendapat pulangan tanpa berbuat apa apa. Konsep yang diguna pakai adalah seperti Skim Cepat Kaya Pak Man Telo dimana duit dari pelabur baru akan dibayar kepada pelabur lama. Jadi pelabur lama ini akan terus merekrut pelabur baru kerana mereka dibayar sedangkan apa yang akan berlaku kepada pelabur baru.

Ia juga dikenali sebagai **skim Ponzi atau Skim piramid**. Mereka yang awal akan mendapat pulangan yang banyak. Dan mereka yang baru masuk akan berputih mata. Masyarakat Malaysia mudah tertipu dengan skim sebegini. Mereka ingin cepat kaya tanpa sebarang usaha.

Istilah 4D atau duduk diam dapat duit hanya untuk mereka yang suka berjudi. Memperjudikan wang dan nasib mereka. Jika program berkenaan tutup, burn la semua wang anda.

JANGAN LABUR TAK TENTU HALA!!!

Perniagaan Internet VS Program Buat Duit

Perniagaan internet dan program buat duit di Internet adalah perkara berlainan. Kedua duanya adalah cara yang sah untuk mendapat wang dari internet. Namun konsepnya adalah berlaianan.

Program buat duit di Internet adalah seperti Google Adsense, Text Link Ads dan sebagainya adalah program yang diuruskan oleh syarikat tertentu. Kita hanya menyertai program mereka dan mereka akan membayar apa yang patut kita dapat seperti link yang terjual dan sebagainya.

Program Affiliate atau online agen merupakan salah satu dari program buat duit dari internet. Kita bergantung kepada syarikat pengendali bagi mendapatkan wang dan ianya adalah atas usaha kita sendiri. Mereka tidak akan membayar dengan tanpa sebab atau kita melabur dengan mereka. Mereka adalah real business yang menyediakan perkhidmatan di seluruh dunia atau bergantung kepada target market mereka.

Saya harap anda dapat membezakan antara perniagaan internet dan program buat duit di internet ini. Perniagaan anda menguruskannya sendiri dan anda mendapat 100% dari keuntungan. Daripada program anda hanya mendapat beberapa peratus daripada keuntungan program berkenaan.

Jika anda ingin tahu bagaimana untuk buat duit dengan Program Google Adsense. Anda boleh dapatkan Panduan Raja Adsense di [SINI](#).



Konsep Skim Cepat Kaya

Terdapat banyak konsep dalam skim cepat kaya dan penipuan di internet. Saya akan huraikan satu persatu nanti. Saya harap anda memahami konsep ini. Kaji sebelum menyertai sebarang program di internet.

Skim cepat kaya bukan sahaja terdapat di Malaysia malah diseluruh dunia. Semua orang berkata berkenaan dengannya. Namun, ramai juga yang terjebak walaupun ramai yang berkata mereka tidak akan terjebak dengan skim ini. Ramai yang masih tak tahu bagaimana untuk mengenalinya.

Konsepnya senang,sesuatu yang menawarkan pulangan yang diluar pemikiran dan tidak logik adalah skim cepat kaya. Tiada sesuatu perniagaan pun boleh menjamin pulangan sedemikian.

Penipuan di Internet

Penipuan di internet adalah bukan perkara baru. Namun ia masih berlaku sehingga ke hari ini kerana ketiadaan maklumat tentang penipuan di internet ini. Harap dengan report yang tak seberapa ini dapat memberi sedikit maklumat kepada anda tentang apakah penipuan yang berlaku di internet.

Terdapat segala macam penipuan yang mungkin berlaku di internet. Ini adalah kerana ia sukar dikesan dan sukar di kawal. Anda sendiri perlu memainkan peranan agar dapat melindungi diri anda sendiri. Hanya anda dapat melindungi diri anda. Ia mungkin terjadi kepada sesiapa sahaja.

Lindungi Diri anda daripada ditipu!!

Sumbang Ikhlas

Aktiviti ini semakin hari semakin menjadi jadi. Malah ada diantara penganjur yang menggunakan ayat Al Quran dan Hadis bagi menarik minat orang melayu beragama islam menyertai mereka.

Mereka menyatakan hujah bantu membantu sesama islam. Kaya sesama Kaya dan sebagainya. Dahulunya menggunakan wang pos sebagai bayaran kini ia telah beralih kepada pemegang akaun maybank,cimb dan sebagainya.

Konsepnya sebegini: Anda diberi senarai 4/5 orang untuk anda sedekahkan wang anda. Setelah anda membayar,nama anda pula akan dimasukkan ke dalam senarai tersebut. Manakala peserta yang paling atas akan digugurkan setelah nama peserta baru dimasukkan begitulah seterusnya.

Mereka biasanya menggunakan wang dengan jumlah yang kecil rm2,rm5,rm10 bagi setiap peserta. Peserta baru perlu “bersedekah” kepada peserta awal baru nama mereka akan dalam dimasukkan ke dalam kitaran tersebut.

Mereka ini sering menjadikan group perbincangan seperti Yahoo Group, Google Group untuk mempromosi program mereka. Ia sebenarnya berkonsepkan SKIM Piramid.

Saya berikan contoh program ini yang telah dispam pada Google Group saya.

Contoh Program ini:

Khas Untuk Pemegang Akaun Maybank
Assalamualaikum dan salam sejahtera semua.

DISERTAI BUKTI SUMBANGAN-
ANDA TIDAK PERLU RAGU-RAGU UTK MENYERTAI PROGRAM INI KERANA PROGRAM INI
TELAH DIBERI SENTUHAN YANG PENUH MEYAKINKAN.. .
" Jika Anda Mahu Sesuatu, Anda Berilah Sesuatu".
"orang yang KAYA tidak bekerja untuk Wang, sebaliknya WANG bekerja
untuk mereka"

UNTUK MEMASTIKAN PROGRAM YANG SEHEBAT DAN SEMUDAH INI
BERJALAN DENGAN TERATUR DAN MENGHASILKAN PULANGAN YANG DIKEHENDAKI.
...SETIAP
PESERTA DIKEHENDAKI MENGHANTAR BUKTI SUMBANGAN...
SILA LIHAT BUKTI SUMBANGAN SAYA (DI ATTACHMENT). ..

Tiada apa yg merugikan saya kecuali RM10 & 5 nombor akaun, kan? WELL
GUESS
WHAT!!! Dlm tempoh 30 hari, akaun saya mula dipenuhi WANG!!! Mula-mula
tak
begitu memberangsangkan. Cuma RM6 utk minggu pertama. Kemudian RM18
pada minggu
kedua. Seterusnya semakin bertambah pada minggu ketiga. Hinggalah
apabila masuk
bulan kelima mencecah angka ratusan ribu. Saya betul-betul terkejut.
Saya ingat
ia akan berhenti masuk pada bila2 masa sahaja tetapi wang itu tetap
datang.
Saya memperolehi RM180k ++ dalam tempoh 5 bulan shj!!! Sangat berbaloi!
Dengan
hanya pelaburan sebanyak RM10 !! WANG DATANG SENDIRI KE DALAM AKAUN
BANK
SAYA!!!

Saya akan terangkan macam mana ia berfungsi & yang lebih penting kenapa
ia
berfungsi sebegitu. Yang penting, anda cetak artikel ini SEKARANG utk
memudahkan anda mendapatkan semua langkah2 yg diperlukan.Saya pasti,
jika anda
mengikuti langkah2 yang telah diatur dalam artikel ini, anda akan mula
membuat
duit sblm habis penghujung minggu ini. Anggaplh program ini sebagai 1
peluang
keemasan yang meningkatkan taraf ekonomi anda. Tahukah anda bahawa cara
ini
telah dipraktikkan oleh berjuta2 orang di seluruh dunia bagi memungut
derma &
mengumpul modal perniagaan. Percayalah? dalam masa 4-6 bulan anda akan
memperolehi sbnyk RM1,627, 230.00 tanpa penat. Kalau tidak percaya, apa
kata
anda mencubanya dahulu!

Adakah ia baik? Sudah tentu YA. Ini kerana, sesiapa sahaja yang rajin menghantar risalah ini, mereka berpeluang besar untuk memperolehi hasil yang lumayan. Sangat2 lumayan sebenarnya. Apa yg PENTING untuk anda fahami ialah program ini bukanlah suatu penipuan & ia tidak menyalahi undang2 & ia hampir TIDAK mempunyai sebarang RISIKO!! Sekiranya anda JUJUR & RAJIN menyebarkan program ini, anda akan memperolehi ganjaran yg amat besar, bersesuaian dgn usaha yg anda curahkan, malah tidak mustahil lebih dari itu. Jika anda tidak menyertainya, kerugian akan sentiasa berada di pihak anda. Firman Allah SWT bermaksud, Iblis & syaitan menakutkan manusia dengan kerugian & kepapaan supaya jangan menderma utk kebaikan...! !

BAGAIMANA CARANYA???.

Langkah 1

Buka attachment dan LIHAT BUKTI sumbangan. (Abaikan Risalah ini jika TIADA BUKTI sumbangan - CARI dan SERTAI risalah yang disertakan bukti sumbangan) Kemudian anda dikehendaki menghulurkan sumbangan RM2 shj kpd setiap peserta (Tidak perlu sumbang kepada peserta terdahulu kerana sudah terkeluar). Seterusnya, bank-in RM2 kpd setiap nama & nombor akaun peserta yg terdapat pd Senarai Nama Peserta 1 hingga 5. (Fund Transfer 3rd Party account)

Langkah 2

Setelah setiap peserta menerima sumbangan drpd anda, maka Anjakkan nama & nombor akaun Peserta 1 ke Peserta terdahulu (Peserta 1 terkeluar). Anjakkan nama Peserta 2 ke ruang Peserta 1, Peserta 3 ke ruang Peserta 2, Peserta 4 ke ruang Peserta 3, Peserta 5 ke ruang Peserta 4 & masukkan nama & nombor akaun anda pada ruang Peserta 5 yg tih dikosongkan td. Pastikan senarai nama & no akaun setiap peserta berada dlm kedudukan yg betul bg memastikan tidak berlaku sbrg penganiayaan kpd peserta lain. ATTACHKAN JUGA BUKTI SUMBANGAN ANDA, anda cuma perlu "PRINT SCREEN" logout summary selepas membuat sumbangan. PASTEkan didalam Paint (Start-> Accessories->Paint) dan save. kemudian attachkan file tersebut sebagai bukti sumbangan anda bagi meyakinkan peserta lain bahawa anda telah membuat sumbangan. (bagi mengelak penipuan)

CARA PENGIRAAN

Peserta 5 (Anda bermula di sini) 15 peserta x RM2 =RM30.00
Peserta 4
15 peserta x (15) x RM2 =RM450.00
Peserta 3
15 peserta x (15) x (15) x RM2 =RM6,750.00
Peserta 2
15 peserta x (15) x (15) x (15) x RM2 =RM101,250.00
Peserta 1
15 peserta x (15) x (15) x (15) x (15) x RM2 =RM1,518,750. 00
JUMLAH =RM1,627,230. 00

SILA INGAT bahawa program ini masih terus bertahan kerana kejujuran semua peserta yang telah mengikuti langkah2 yang telah digariskan dengan sempurna.
Cuba anda bayangkan, jika anda jujur, program ini akan berterusan & duit yang diterima oleh orang2 lain akan sampai juga ke tangan anda.

PESERTA TERDAHULU (TIDAK perlu sumbangan- sudah terkeluar)
(SUMBANGKAN RM 2 KEPADA PESERTA 1 HINGGA 5)

PESERTA 1

AAAAAAA

(**Anjakan nama & Nombor Akaun Peserta 2 kesini)

PESERTA 2

BBBBB

(**Anjakan nama & Nombor Akaun Peserta 3 kesini)

PESERTA 3

CCCC

(**Anjakan nama & Nombor Akaun Peserta 4 kesini)

PESERTA 4

DDDDDD

(*** Tuliskan nama & Nombor Akaun anda disini sebagai Peserta 5 -baru)

PESERTA 5

EEEE

*** Tuliskan nama & Nombor Akaun anda disini sebagai Peserta 5 -baru)
(CONTOH BUKTI PEMBAYARAN SAYA DI MAYBANK2U.COM SEPERTI YANG DI
ATTACHKAN..PADAM DAN GANTIKAN BUKTI PEMBAYARAN ANDA UNTUK PROJEK ANDA
KELAK)

LAKUKAN DENGAN PENUH IKHLAS! DERMA & SUMBANGLAH
KPD PESERTA TERSEBUT NESCAJA ANDA JUGA AKAN
MENERIMA DERMA & SUMBANGAN SEUMPAMANYA. INSYA ALLAH...
Bagaimana Untuk Mengiklankan Ke News Group?
Melalui newsgroup iaitu laman2 web yang mengandungi diskusi, forum /
message
board, anda boleh mendapat keuntungan tanpa mengenali / mengetahui
siapa yang
telah membaca risalah anda. Walaupun ia tidak selamat dari segi
security kerana
anda tidak mampu mengawal orang bawahan anda, tetapi anda boleh
menyebarkan
risalah anda kepada lebih daripada 5000 orang dalam satu masa. Cuba
anda lihat
fakta ini, di seluruh dunia ada terdapat lebih daripada 32,000 laman
web
bercorak diskusi & pada satu2 hari, lebih daripada 5,000 orang melawat
laman
web seperti berikut. Di dalam dunia terdapat lebih kurang 2 BILLION
pengguna
internet yang berdaftar & pada diri, bayangkan setiap hari dianggarkan
lebih
daripada 50,000 pengguna baru mendaftarkan berapa ramai orang yang
bakal
menyebarkan risalah yang mengandungi nama & alamat anda, & setiap
orang yang
menyalin risalah anda akan menghantar anda sebanyak RM2. Sekiranya
dalam masa 2
bulan 50000 orang menghantar anda RM2, anda akan memperolehi
RM100,000!!! Banyak tu.

Langkah 1

Anda tidak perlu menaip semula risalah ini, anda hanya perlu pilih menu
EDIT-SELECT ALL utk memilih seluruh risalah & kemudian pilih menu EDIT-
Copy utk
menyalin risalah anda.

Langkah 2

Buka aplikasi 'notepad'(Start- Programs- Accessories- Notepad) & pilih
menu
EDIT-PASTE utk memaparkan risalah anda & setelah membuat perubahan yang
diterangkan di atas, pilih menu FILE-SAVE untuk menyimpan risalah baru
anda
seboleh2nya dalam bentuk *.txt (biasanya ia automatik).

Langkah3

Buka Netscape / Internet Explorer & pergi ke laman web pencari spt
Yahoo! utk
mencari laman2 web
diskusi,forum & message board. Antaranya saya sertakan disini.

[Senarai Yahoo Group]

Langkah 4

Pergi ke laman2 web tersebut & pilih diskusi, forum / sebagainya & hantar risalah anda. Anda perlu mengisi ruangan SUBJECT sebagai tajuk anda & pergi ke risalah anda tadi, pilih menu EDIT- COPY untuk menyalin & klik pada ruang untuk mengisi risalah anda pada laman web tersebut & pilih menu EDIT- PASTE pada Netscape / Internet Explorer anda. (Anda juga mungkin dikehendaki untuk mendaftar diri pada laman web tersebut, tidak mengapa kerana anda hanya mahu menyebarkan kepada mereka yang ingin mencari sumber kewangan yang sah & anda hanya menjalankan tugas anda. Jadi, daftarkan sahaja setelah memastikan yang program tersebut PERCUMA)

ANDA BOLEH MEMBUAT BAYARAN MELALUI INTERNET BANKING

Klik atau go to

- (a) Log in User , go to
- (b) Fund Transfer , go to
- (c) 3rd Party Accounts

Masukkan masing-masing RM2.00 kedalam Akaun Bank PESERTA NOMBOR 1,2,3,4&5, (Nama dan No. Akaun & Bank mereka disertakan). Pastikan Nama dan No. Akaun mereka TIDAK SALAH.

Sertakan :

- 1) Copy (Print screen Button) & Paste slip transaksi kesemua akaun & Logout Summary .
- 2) ATTACHKAN BUKTI TRANSAKSI ANDA.

Tahniah... ITU SAHAJA! Apa yang perlu anda lakukan sekarang ialah pergi ke message board seterusnya & ulangi langkah2 di atas. Setiap message yang dihantar akan mengambil masa kira2 30 saat untuk muncul di skrin anda. Ingat? lebih banyak anda iklankan (message board dsb) lebih banyak duit yang akan anda dapat!! Mudah kan? Selepas ini anda akan mula menerima wang tersebut sebelum anda sempat mengiranya!

SELAMAT MENCUBA & GUNAKANLAH DUIT TERSEBUT KE
JALAN KEBAJIKAN... ..!!
Bantulah Mereka Yg Memerlukan.
Wassalam.

Tulus Ikhlas /HAMBA ALLAH

Note: Nama peserta saya telah deletakan bagi menjaga maruah mereka yang terlibat

Di atas adalah contoh mesej mereka untuk menipu orang dengan menggunakan nama Islam dan bersedekah sesama Islam. Namun ramai yang tertipu. Disini saya ingin memberikan anda sedikit pendedahan tentang program sebegini agar anda tidak tertipu. Harap anda jangan tertipu ye!!

Mereka juga menggunakan teknik gaya pos untuk memohon sedekah dari anda. Tidak salah untuk anda bersedekah. **Tetapi bersedekah la kepada mereka yang layak** seperti Anak yatim, golongan fakir, musafir dan sebagainya sebagaimana yang disarankan oleh Islam.

Jika ingin bersedekah, jangan mengharapkan balasan di dunia dengan orang bersedekah kembali kepada anda. Ia telah menyempang dari agama Islam kerana kita bersedekah untuk saham kita diakhirat kelak bukan pada dunia ini. Bersedekah dengan harapan orang bersedekah kembali kepada kita bukan lah sedekah. Ia adalah skim cepat kaya!

Ini adalah link di spam ke email saya. Anda boleh melihatnya sendiri..

www.ikhlas2u.com/login.php?refid=1325

Saya memang cukup geram apabila mereka spam ke email saya benda yang entah apa apa ni. Dah kelabu mata sangat kah sampai nak jadi **jutawan meminta sedekah?**

Anda nak jadi JUTAWAN Minta sedekah dengan sertai program sebegini? Jangan tertipu ye abang² dan kakak². Fikirkan la sebaik baiknya. Kita semua dikurniakan akal fikiran untuk berfikir. Jangan terjebak dengan program sebegini.

Jangan Biarkan Diri Anda Ditipu!

Randomizor

Ia merupakan satu konsep dimana peserta yang menyertai program ini akan diberi habuan secara rawak. Jika peserta baru menyertai program ini, wang tersebut akan diberikan kepada ahli terdahulu secara rawak.

Ia agak terkenal dahulu kononnya anda akan mendapat wang yang tidak terhingga dengan program ini. Ahli baru yang baru menyertai akan membayar ahli lama secara rawak yang ditentukan oleh sistem laman web tersebut.

Ini bermakna jika anda orang baru masuk, baru ada ahli lama yang akan menerima wang tersebut. Jika tiada orang menyertainya, tiada siapa akan mendapat duit. Hendak atau tidak mereka akan membuat promosi semata mata agar ahli baru berjaya ditipu ke dalam sistem tersebut. Kitaran bermula dimana ahli baru akan berusaha untuk mencari ahli baru lain agar kitawan secara rawak ini berlaku.

Biasanya sebahagian dari wang ahli baru masuk akan dibayar kepada referal/ orang yang berjaya membawa ahli baru dan sebahagian lagi akan ditentukan secara rawak. Ia bergantung kepada nasib ia samada mereka terpilih untuk mendapat wang secara rawak tersebut atau tidak.

Biasanya, ahli rawak yang mendapat wang tersebut adalah admin program tersebut. Admin ia yang paling banyak mendapat wang rawak ini. Jika tidak kenapa dia menguruskan sistem ini jika tiada keuntungan kepada admin terlibat.

HYIP

Ia adalah singkatan kepada **Hgh Yield Investment Program**. Program ini biasanya menawarkan pendapatan tetap dari pelaburan mereka. Jadi banyak pengurus program ini telah menipu orang ramai. Ia adalah asas kepada pelaburan internet hari ini.

Mereka akan menerima wang pelaburan dari ahli dan akan memulangkan kembali kembali “keuntungan” setiap hari. Apabila ramai yang menyertai dan mempertaruhkan wang mereka untuk pelaburan ini, admin/pengurus ini akan menutup program ini dan membuka program baru.

Ramai yang tertipu. Namun ia adalah mirip kepada pelaburan internet yang sering dibincangkan hari ini. Buat orang islam, ia adalah haram. Ia sangat berisiko tinggi. Anda akan ditipu bila² masa.

Mereka cukup licik dalam menguruskan program ini. Mereka akan membayar dahulu kemudian ia tutup. Bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia. Jadi mereka mungkin mendapat berjuta juta daripada hasil penipuan bagi setiap program ini.

Kenapa anda perlu perdagangkan duit dan nasib anda kepada program sebegini? Jauhi dari program ini.

Pelaburan yang menjanjikan pulangan yang tetap Haram di sini islam kerana terdapat unsur riba!!

Paid To Read Email

Ramai yang masih tertipu dengan konsep paid to read email ini. Dengan membaca satu email anda akan mendapat **usd1000,usd30000** malah ada **usd1000,000** dengan membaca satu email. Ini semua adalah **tipu semata mata**. Ada ke orang nak berikan anda duit sebanyak itu?

Anda yang mempromosi program ini mengatakan, join percuma bukan kene bayar. Memang ia percuma. Tetapi masa anda terbuang begitu sahaja. Masa itu emas. Jika anda gunakan masa itu untuk melakukan perkara lain. Banyak manfaat yang anda perolehi,

Ramai yang terpengaruh dengan jumlah wang yang kononnya akan anda dapat setelah mencapai jumlah tertentu. Jika ia betul, semua orang telah menjadi jutawan dari duit PTR email ini.

Boleh dikatakan semua program ini adalah menipu semata mata. Saya harap anda tidak menyertainya. Anda hanya akan membuang masa dengan program sebegini kerana mereka takkan membayar anda walaupun 1 sen. Inikan pula beribu ribu dollar.

Jika anda mempunyai akal yang waras, anda boleh memikinya sendiri. There are no easy money. There are no such thing is this world. Duit akan datang dengan usaha yang gigih bukan dengan buka email.

Paid to Click

Ia mempunyai konsep yang hampir sama dengan PTR. Cuma kali ini anda memerlukan anda klik iklan mereka pada masa yang ditetapkan oleh mereka. Mereka hanya menawarkan jumlah yang kecil bagi satu klik.

Mungkin anda akan ditawarkan 1 sen untuk satu klik malah ada yang menawarkan 0.001 sen bagi satu klik. Saya tak tahu lah sampai bila baru anda akan mencapai jumlah 1 sen atau pun 10 sen.

Mungkin ada PTC yang membayar, Cuma ia hanya membazirkan masa anda. Jumlah yang membayar hanya kecil sahaja. Lebih baik anda membuat perkara yang yang lebih baik.

Di zaman saya mula mula terlibat dalam buat duit di internet, perkara ini agak terkenal dikalangan mat salleh. Di malaysia, agak lambat benda ini berkembang. Saya harap anda tidak terlibat dalam program sebegini.

Paid to Surf

Autosurf

Ia sangat terkenal di Malaysia suatu ketika dahulu. Ramai yang mengagungkan autosurf yang utama dahulu seperti 12dailypro, studiotraffic dan sebagainya.

Malah ada yang menjadi bankrup akibat terlalu taksu dengan autosurf. Saya pernah bersempang dengan golongan ini. Kata mereka, dahulunya mereka boleh mendapat **USD1000 hingga USD10000 sebulan** dengan autosurf.

Banyak bukan? Ini menyebabkan mereka mengadaikan kedai, rumah dan sebagainya demi untuk menyertai autosurf. Tiba-tiba program ditutup. Golongan ini jatuh bankrup kerana tidak dapat membayar hutang mereka.

Cara program ini berfungsi ialah dengan membiarkan autosurf ini menukar iklan mereka secara automatik bagi suatu masa tertentu seperti 20 saat bagi satu iklan. Hanya biarkan browser mereka buat kerja dan mereka dibayar setelah mencapai jumlah tertentu.



Manual Surf

Ia adalah gabungan konsep autosurf dan PTC. Setelah timer selesai, mereka perlu klik pada huruf tertentu untuk menukar iklan oleh program berkenaan. Ia memerlukan masa yang banyak. Ia agak tidak digemari kerana mereka perlu klik setelah timer nya berakhir.

Ramai yang sukakan autosurf kerana ia lebih mudah dan senang. Akhirnya mereka semua tertipu apabila program tersebut ditutup atau tidak membayar wang seperti yang dijanjikan.

Internet Lottery Scam

Sejak kebelakangan ini banyak spam yang diterima berkenaan internet lottery ini.

Date:	Wed, 18 Apr 2007 7:53:06 -0700
From:	"Ms Word Lottery!" <info_web555@cox.net>  Add to Address Book  Add Mobile Alert
Subject:	CONGRATULATIONS!!!

This is to inform you of the release of our 2007 MSW MEGA JACKPOT, Your e-mail address, is attached to winning number 20-12DEC-2005-02MSW, with serial number S/N-00168 drew the lucky numbers 887-13-865-37-10-83, and consequently won in the first lottery category. You have therefore been approved for a lump sum pay out of 500,000.00 GBP (FIVE HUNDRED THOUSAND POUNDS STERLING) credited to file REF NO: MSW-L/200-26937. This is from total prize money of GBP 2,500,000.00 POUNDS, shared among the Five (5) international winners in this category.

To claim your winning prize, you must first contact the claims department by email.

Name: Mrs Vanessa White Scott,
Email:mrsvanessawhitescot002@yahoo.co.uk

In respect to claims, you are to forward the following details to enable her clear your file for immediate payment:

1. Full Names:
2. Address:
3. Age:
4. Sex:
5. Marital Status:
6. Occupation:
7. Phone numbers:
8. Fax number:
9. Country:

Sir David Alberto.
For Ms Word lottery Uk.

Berhati hati. Ini adalah email tipu dan ramai yang telah tertipu. Anda akan diminta membayar jumlah tertentu bagi menuntut hadiah mereka. Setelah anda bayar, mereka akan terus mendiamkan diri.

Terdapat banyak lagi loteri palsu ini yang melibatkan nama syarikat besar Microsoft, Yahoo, Coca Cola, Pepsi dan sebagainya. Jangan tertipu dengan loteri sebegini.


Anda tidak menyertai sebarang loteri, kenapa pula anda memenangnya? Ada juga seperti loteri Yahoo dimana mereka menyatakan bahawa email anda adalah email bertuah dan memenangi hadiah 40 juta dollar. Anda percaya? Bertuah sangat ke sampai semua orang mendapat email yang sama. ☺

Jangan cuba² benda sebegini. Jangan percaya. Ia tidak logik dek akal, namun ramai yang telah tertipu dari seluruh dunia. Aku menang loteri la katakan... :-P

Nigeria Scammer

Pendapatan KDNK bagi negara Nigeria adalah melalui penipuan. Internet merupakan tempat utama mereka untuk mencari mangsa.

Dibawah adalah bar graft bagi scam di dunia:



Dimana Nigeria adalah negara utama penipu di dunia. Mereka menggunakan pelbagai cara seperti laman web lelongan seperti ebay, mencuri identiti, email loteri dan sebagainya.

Jika anda meniaga diinternet dan mendapat pelanggan dari negara Afrika, lebih baik anda tidak berurusan dengan mereka kerana ia mungkin adalah penipu akan menipu anda.

Mereka biasa akan mengatakan mereka akan membayar barangan yang anda jual melalui telegrafic transfer, cek dan sebagainya dimana proses ini akan mengambil masa. Pada masa yang sama mereka akan meminta anda menghantar barangan tersebut.

Setelah anda menghantarnya, mereka akan mendiamkan diri dan menggunakan identiti lain. Sebab ini sesetengah penjual di eBay menyatakan mereka tidak akan berurusan dengan mereka dari negara Nigeria ini.

Begitulah sebaliknya jika anda membeli barang dari mereka. Setelah anda bayar, mereka akan senyap. Habislah duit anda.

Berhati hati ya!!

Auction Scam

Scam di laman web lelong seperti eBay sememangnya berleluasa sehinggakan kini eBay mensyaratkan kita untuk masukkan no kad kredit atau debit bagi pengesahan untuk membeli dan menjual.

Untuk membeli pun kena masukkan no kad kredit/ debit. Ini adalah kerana ada yang mengambil kesempatan untuk menipu di eBay. Antara laman lelong lain paling berisiko ialah Yahoo Auctions.

Di Yahoo Auctions, sesiapa sahaja boleh bid walaupun mempunyai beberapa akaun yahoo yang berlainan. Jika anda bid sesuatu disana, anda akan dihubungi ramai penipu yang menyatakan mereka la penjual yang anda bid tersebut.

Yahoo Auction kini menjadi tempat utama Nigeria Scammer dan penipu lain untuk menipu anda. Saya akan dedahkan modus operandi mereka nanti. Ini adalah pengalaman saya untuk menyelidiki modus operandi mereka untuk disampaikan kepada anda.

